

Perhimpunan MCA Iuluskan UM 28 JUL 2002

KUALA LUMPUR 27 Julai – Perhimpunan Agung Tahunan MCA ke-49 sebulat suara meluluskan pelan damai anjuran Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad supaya ahli Jawatankuasa Pusat (CC) yang diketuai oleh Presiden parti, Datuk Seri Dr. Ling Liong Sik kekal sehingga tahun 2005.

Kelulusan secara sebulat suara oleh 2,288 perwakilan tersebut bermakna Timbalan Presiden, Datuk Lim Ah Lek, empat Naib Presiden dan 25 ahli CC MCA turut kekal untuk tempoh sepenggal lagi.

Liong Sik berkata, beliau berpuas hati dengan sokongan perwakilan terhadap pelan damai tersebut yang berjaya

menstabilkan parti dan meningkatkan disiplin di kalangan ahli.

“Sikap berdisiplin ini terbukti apabila para perwakilan sendiri meminta seorang pembahas semasa perhimpunan hari ini yang mengkritik peribadi pemimpin parti supaya menghentikan ucapan beliau,” katanya kepada pemberita selepas tamatnya perhimpunan tersebut di sini hari ini.

Mengenai usul-usul yang dibentangkan hari ini, Liong Sik berkata, perhimpunan telah meluluskan 13 usul yang membabitkan hal ehwal parti, politik, pendidikan, ekonomi dan sosial.

Antara usul tersebut ialah menyokong usaha kerajaan

pelan damai Dr. Mahathir

membanteras keganasan dalam negara dan membantah sekeras-kerasnya tindakan kerajaan Terengganu meluluskan undang-undang Hudud.

Para perwakilan turut meluluskan usul menyokong pengambilan pelajar universiti berasaskan meritokrasi dan menyambut baik keputusan kerajaan membuka program matrikulasi dan Maktab Rendah Sains Mara kepada pelajar bukan bumiputera.

Sebelum itu, semasa ucapan dasarnya, Liong Sik menegaskan bahawa MCA harus memberi penekanan kepada perpaduan dalam parti sekiranya ia ingin terus menjadi komponen yang bemiilai dalam Barisan Nasional (BN)

Menurut beliau, perpaduan amat penting kerana musuh MCA akan cuba mencari kesempatan daripada perpecahan dan pergolakan dalam parti untuk melemahkan MCA.

“MCA juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Dr. Mahathir atas nasihat yang diberikan kepada parti selaku Pengerusi BN untuk menyelesaikan masalah dalaman MCA,” ujanya.

Dalam pada itu, Ah Lek yang ditemui pemberita sesama sesi rehat perhimpunan berkenaan berharap presiden parti-parti komponen BN supaya mencontohi langkah Dr. Mahathir yang memastikan peralihan jawatan dalam UMNO berjalan lancar.